Hakcipta © 2006 Amanz.NET

Notis Amaran

E-Book ini adalah milik Aman a.k.a Amanz.NET sepenuhnya. Anda dibenarkan mengedarkannya secara **PERCUMA** kepada sesiapa. Tindakan akan diambil sekiranya anda menjual atau mengubah suai dan mengatakan bahawa ini adalah hasil anda sendiri.

Penulis tidak bertanggungjawab daripada sebarang masalah yang anda alami daripada penggunaan emel ini.

Walaupun segala langkah telah di ambil untuk memastikan e-book ini sempurna, mungkin terdapat beberapa kesalahan, kerana kita sebagai manusia, tidak dapat lari daripada melakukan kesalahan.

E-Book ini turut tidak mendapat pengiktirafan dari pihak Dewan Bahasa dan Pustaka, justeru itu, mungkin terdapat kesilapan penggunaan bahasa dan tatabahasa. Segala bahasa yang digunakan adalah bertujuan untuk menyenangkan pemahaman anda dan tidak bersifat ingin mencacatkan Bahasa Melayu.

Sekali lagi diingatkan bahawa segala informasi yang terkandung di dalam e-book ini adalah kepunyaan Amanz.NET sepenuhnya.

Amanz

Amanz Network
http://amanz.net

© Hakcipta Terpelihara dan masih Di Pelihara 2006 Amanz.NET

Pengenalan

WordPress ialah salah satu jenis “Content Management System” dimana anda boleh menjaga dan mentadbir sistem laman web atau blog anda melalui dalam talian.

Jika dulu ketika anda ingin mengemaskini laman web atau blog anda, anda perlu meng’edit’ menggunakan Microsoft Frontpage atau NotePad dan upload kesemua fail kedalam server, kini dengan menggunakan WordPress, anda tidak perlu buat begitu lagi.

Kini ia digunakan oleh kebanyakkan penulis blog dan laman web terkemuka dunia malah ramai juga rakyat Malaysia yang menggunakan WordPress dalam pembangunan laman web atau blog mereka.

Beberapa contoh laman web yang menggunakan WordPress dalam pembanggunannya ialah Amanz.NET, Cypherhackz, InfoMalaya dan terdapat banyak lagi.

Sekiranya anda ingin menggunakan WordPress tanpa memasangnya di server anda, anda boleh mendapatkan akaun percuma dengan mendaftar di WordPress.com Tetapi, disini anda tidak dapat kebebasan menggunakan *Theme* dan *Plugin*. Jika anda mempunyai akaun hosting sendiri, anda dapat mengubah suai keseluruhan blog anda mengikut citarasa anda.

Sebelum mula memasang WordPress, anda perlu mempunyai beberapa perkara seperti Program FTP, akaun hosting, dan domain (jika perlu).

Program FTP

Program FTP ialah perisian yang digunakan untuk muat naik (upload) kesemua fail-fail dalam komputer anda ke dalam akaun hosting kepunyaan anda. Program FTP ialah suatu perisian yang perlu di punyai oleh semua webmaster kerana ia akan memudahkan proses anda muat turun fail dan muat turun fail-fail dari server.

Saya disini menggalakkan anda menggunakan FileZilla. Perisian ini boleh di muat turun secara percuma melalui laman Sourceforge. Perisian ini didaftarkan atas lesen GNU dimana ia bererti anda tidak perlu membayar walau satu sen untuk menggunakan perisian ini.

Berikut ialah *user interface* FileZilla selepas selesai *install*;



Anda hanya perlu mengisi beberapa data di petak berikut;



Di bahagian *Address*, anda perlu mengisi alamat FTP anda. Sebagai contoh, ftp.amanz.net

Biasanya, anda akan dibekalkan dengan alamat FTP, username dan password setelah selsesai berdaftar untuk akaun hosting.

Setelah anda mengisi data-data berikut ke dalam petak berkenaan, tekan ENTER. Anda akan disambungkan ke hos anda dan anda boleh terus memuat naik fail-fail anda ke server.

Berikut ialah beberapa info mengenai cara penggunaan FileZilla secara ringkas;



Info-info selebihnya anda boleh dapatkan dari laman FileZilla.
Untuk memuat turun perisian ini secara percuma, sila klik link dibawah:

FileZilla
http://filezilla.sourceforge.net
3.35 Mb

Terdapat juga pelbagai perisian FTP yang lain di mana ia mungkin lebih sesuai untuk anda. Anda hanya perlu membuat carian di enjin carian terkemuka seperti Yahoo! Atau Google dengan perkataan seperti:
Free FTP software
FTP software
FTP program

Kini, terdapat pelbagai tempat di mana kita boleh mendapatkan hosting kita sama ada secara berbayar mahupun percuma. Untuk hosting percuma, sila ke enjin carian Yahoo! Mahupun Google dan search untuk ayat berikut:
free php and mysql hosting

Kami di pihak Amanz.NET sedang membangunkan satu laman khas untuk memberikan sedikit ruangan hosting secara percuma dengan akses FTP.

Walaubagaimanapun, ia mungkin akan mengambil sedikit masa, dan akan dilancarkan pada awal tahun 2007.

Terdapat juga beberapa orang blogger tempatan yang menawarkan sedikit ruangan mereka kepada sesiapa yang ingin belajar dahulu selok belok membina web sebelum membeli hosting mereka.

Anda boleh request akaun percuma anda daripada:
Ariff Samani < http://imherenow.fwenz.info >
Azlina < http://azlina.net >
Azmie < http://azmie.net >
Cypherhackz < http://cypherhackz.net >
Gie < http://gieworks.net/blog >
Silenteve < http://silenteve.net >

Berikut ialah beberapa syarikat hosting yang menawarkan pelan-pelan hosting yang hebat:

Namsahaz.com
Anda boleh memperolehi 100mb ruang dan bandwith tanpa had pada harga RM12.00

Exabytes.com.my
Hosting terkemuka Malaysia. Harga yang ditawarkan amat berpatutan.

SempoiHosting.com
Hosting yang best. Mempunyai uptime yang bagus.

CGYHost.net.my
Hosting terkemuka Malaysia. Menawarkan harga istimewa kepada para pelajar.

Amanz Recommended Hosting
http://hosting.amanz.org

Ramai yang masih tidak mengerti maksud sebenar domain. Domain merujuk kepada nama web kita yang diakhiri dengan .COM ; .NET ; .ORG ; .INFO dan lain-lain lagi. Selalunya anda boleh membeli domain terus daripada dimana anda ingin membeli hosting. Tetapi, jika anda ingin membeli daripada saya, sila ke URL berikut :

Amanz Domain Shop
http://domain.amanz.org

Berikut ialah harga yang ditawarkan oleh saya:
.COM – RM32
.NET – RM32
.ORG – RM32

Anda juga boleh menggunakan domain yang dibeli oleh saya, dan perkhidmatan hosting dari pihak lain. Tiada caj tambahan dikenakan.

Pemasangan

Kini, anda sedang membaca ruangan mengenai bagaimana memasang WordPress. Anda hendaklah menguasai bahagian memuat naik fail menggunakan perisian FTP sebelum meneruskan. Jika anda masih menghadapi masalah, sila berhubung dengan saya melalui laman saya iaitu Amanz.NET <http://amanz.net> ataupun dapatkan bantuan melalui forum pengguna WordPress Malaysia di URL http://wpmalaysia.com

Install Secara Manual

Perkara pertama yang anda perlu lakukan ialah memuat turun fail terkini WordPress. Versi fail-fail WordPress sering berubah dari masa ke semasa atas sebab-sebab keselamatan dan sebagainya. Oleh itu, anda perlu memastikan anda menggunakan versi yang terkini agar tidak dicerobohi oleh orang lain.

Penting : Pastikan hosting anda mempunyai akses PHP dan mySql yang terkini

Anda boleh memuat turun fail WordPress dengan ke URL berikut:

WordPress Download
http://wordpress.org/download

Setelah selesai memuat turun, anda perlu *unzip* fail berkenaan. Anda boleh menggunakan perisian seperi WinZip atau 7Zip. Selesai unzip fail berkenaan, anda akan dapat melihat fail-fail seperti berikut:



Seterusnya, buka fail **wp-config-sample.php** dengan Notepad. Biasanya, kesemua komputer yang menggunakan Microsoft Windows akan mempunyai software ini. Jika anda menggunakan Linux atau yang lain, anda seharusnya tahu untuk membuka menggunakan software alternatif yang lain.

Double klik ke atas fail tersebut, dan pilih pilihan berikut:

Dan seterusnya, buat pilihan seperti berikut:

Kini anda boleh membuka semua fail yang mempunyai extension *php dengan menggunakan Notepad.

Berbalik semula, anda seharusnya sudah boleh membuka fail wp-config-sample.php Kini anda hanya perlu mengubah beberapa data di dalam fail berkenaan. Anda akan melihat data seperti beikut apabila anda membuka fail berkenaan.

```
define('DB_NAME', 'Isikan nama database mySql anda');    //
The name of the database
define('DB_USER', 'Isikan nama pengguna database MySql
anda');     // Your MySQL username
define('DB_PASSWORD', 'Isikan kata laluan database mysql
anda'); // ...and password
define('DB_HOST', 'localhost');    // 99% chance you won't
need to change this value
```

Ikuti arahan tersebut dan “Save” fail berkenaan. Kemudian *rename*kan fail tersebut menjadi wp-config.php

MySql ialah dimana kesemua data-data mengenai WordPress anda disimpan. Anda boleh membuat database mySql melalui cPanel atau meminta hosting provider anda melakukannya untuk anda.

PENTING : Anda tidak boleh memasang WordPress tanpa database MySql.

Hubungi saya di **Amanz.NET** atau minta bantuan dari forum WordPress Malaysia, jika anda menghadapi sebarang masalah.

Selesai rename fail berikut, *upload* kesemua fail WordPress ke dalam server anda. Ini mungkin mengambil sedikit masa bergantung kepada kelajuan sambungan internet anda.

Selesai *upload* semua fail, maka kita boleh ke langkah seterusnya. Buka *browser* anda melalui Internet Explorer atau Mozilla Firefox, atau sebarang pelayar internet kegemaran anda. Taip URL web anda pada pelayar berkenaan.

Jika kesemua data pada fail wp-config.php anda tepat, maka anda dapat lihat seperti berikut:



Dan jika sebaliknya, anda akan lihat mesej seperti dibawah.



Jika anda lihat mesej seperti ini, maka anda perlu ikuti langkah-langkah menyediakan fail wp-config.php semula.

Setelah anda dapat melihat mesej seperti berikut:



Klik pada link install.php
Seterusnya, anda akan dapat lihat seperti berikut di browser anda:

Klik pada link **First Step >>** untuk meneruskan pemasangan WordPress.

Seterusnya, anda akan lihat seperti berikut:



Isikan nama blog anda pada ruangan **Weblog title**. Sebagai contoh, saya menamakan blog saya sebagai Amanz Network. Anda boleh gunakan beberapa perkataan yang melambangkan blog anda sebagai contoh:

Ali's Tech Blog – melambangkan blog teknologi
My Life – Melambangkan kehidupan harian

Pada bahagian **Your e-mail**, isikan email anda yang sah kerana ia akan dapatkan akaun e-mel secara percuma di beberapa tempat seperti berikut:

Gmail – Servis emel percuma dari Google
Yahoo! Mail – Servis emel percuma dari Yahoo!
Hotmail – Servis emel percuma dari MSN

Anda tidak perlu terlalu bimbang kerana anda boleh tukar kesemua data tersebut pada bila-bila masa.

Selesai mengisi kedua-dua data tersebut, klik butang "**Continue to Second Step >>**"

Seterusnya, anda akan dapat lihat seperti berikut:

Ambil perhatian pada bahagian yang di tandakan. Anda akan diberikan dengan *Username* dan *Password* pengguna anda.

Kini anda boleh log in ke panel *admin* anda dengan mengklik pada link wp-login.php

Masukkan nama pengguna anda beserta kata laluan yang diberikan sebentar tadi dan klik **Login>>**

Seterusnya, klik pada *link* **User** pada *navigation bar*:



Scroll sampai ke bawah sehingga anda lihat bahagian kemaskini kata laluan seperti berikut, dan masukkan kata laluan yang anda inginkan.

Anda juga boleh mengemaskini kesemua perkara berkaitan diri anda disini.

Ini akan diterangkan dengan lebih lanjut dalam bahagian berikutnya.

Pemasangan melalui browser tamat disini. Sila ke bahagian beikut jika anda telah berjaya memasang WordPress di server anda.

Tahniah diucapkan...!!!

Install Melalui cPanel

Untuk memasang WordPress melalui cPanel, anda perlu memastikan bahawa hosting anda memberi akses cPanel kepada anda. Kini kebanyakkan pakej hosting telah datang dengan akses ke cPanel. Tanya pada hosting provider anda samaada pakej hosting anda datang dengan cPanel dan **Fantastico** atau tidak.

Pandangan cPanel sebaik sahaja anda log-in:



Scrool ke bawah sehingga anda jumpa *button* Fantastico dan klik padanya.



Anda akan dibawa ke *page* yang baru, dimana ia kelihatan seperti berikut: Klik pada link **WordPress** dibawah kategori **Blogs.**



Seterusnya klik pada link New Installation.



Anda akan diminta memasukkan beberapa data penting pada page seterusnya.



Selesai memasukkan kesemua detail, klik pada Install WordPress. Dan pada muka seterusnya anda perlu mengklik pada Finish Installation.

Itu sahaja.

Kelebihan menggunakan cPanel + **Fantastico**:

- Anda tidak perlu *upload* fail-fail WordPress
- Anda tidak perlu *create* database

Pandang Pertama

Selesai memasang kesemuanya, anda boleh melihat blog anda telah selesai dibina dan kelihatan seperti berikut:



Kini kita akan pergi ke bahagian seterusnya. Sila hubungi saya di **Amanz.NET** atau rujuk kepada komuniti WordPress Malaysia jika anda menghadapi sebarang masalah.

Panel Admin

Kini, kita akan explore panel Admin WordPress. Setelah selesai memasang WordPress, masuk ke panel admin melalui /wp-admin

Contohnya, jika anda telah memasang WordPress pada URL **http://namaanda.com** maka panel admin boleh diakses melalui **http://namaanda.com/wp-admin**

Anda akan lihat petak seperti berikut:

Masukkan nama pengguna dan kata laluan anda dan anda akan *redirect* ke panel Admin.

Dashboard

Apa itu Dashboard?
Dashboard ialah page pertama yang anda akan lihat sebaik sahaja anda log in ke panel admin anda. Dari sini, anda akan dapat lihat berita-berita terkini di dunia WordPress, Stat blog anda dan sebagainya.

Berikut ialah pandangan DashBoard:

Bahagian 1

Disini anda akan dapat akses cepat ke bahagian-bahagian penting seperti tempat nak tulis artikel, nak kemaskini data kita, dan nak tukar *theme* blog kita.

Bahagian 2

Disini kita akan dapat lihat statistik blog kita secara ringkas sperti berapa banyak artikel telah ditulis oleh kita, artikel-artikel terbaru, komen-komen terbaru, dan *incoming link* dari blog lain.

Seterusnya, kita akan lihat pada menu Write. Disini adalah tempat dimana anda hendak menulis artikel dan membuat muka baru.



Apa beza Write Post dan Write Page?

Write post ialah dimana tulisan anda akan terpapar di muka depan blog anda manakala Write Page ialah dimana anda membuat muka baru seperti About Us dan sebagainya.



Bahagian 1
Tulis tajuk artikel anda

Bahagian 2
Artikel anda

Bahagian 3
Kategori artikel anda. Sebagai contoh jika blog anda fokus mengenai pelbagai perkara, dan tulisan kali ini adalah mengenai hidup anda, maka buat kategori baru dengan klik pada + dan seterusnya masukkan nama kategori anda dan klik Add.



Bahagian 4

Digunakan jika anda ingin upload gambar untuk dimasukkan ke dalam artikel anda.



Posts
Di sini ialah tempat dimana 15 artikel terbaru ditunjukkan dimana anda boleh edit atau buang (delete) artikel yang dikehendaki oleh anda.

Pages
Disini ialah dimana anda membuat page baru, serta edit atau delete page yang sedia ada.

Page About telah pun direka secara automatik ketika pemasangan WordPress. Anda boleh mencuba edit page berkenaan dengan menukar isinya kepada berkaitan dengan diri dan blog anda.

Categories
Disini ialah dimana anda membuat atau edit kategori.

Kategori digunakan untuk mengklasifikasikan artikel-artikel diblog anda. Contohnya, jika blog anda menjurus mengenai pelbagai perkara, maka anda boleh membuat kategori seperti,
Hidupku;
Agama;
Komputer;
Boring
Dan sebagainya.

Comments
Disini anda boleh edit atau delete sebarang komen yang tidak dikehendaki.

Komen akan ditinggalkan oleh pengunjung blog anda berkaitan dengan artikel-artikel yang anda tulis. Ini merupakan salah satu cara anda berinteraksi dengan pembaca blog anda.

Awaiting Moderation
Disini ialah dimana komen-komen yang belum diluluskan oleh anda akan kelihatan. Jika blog anda mempunyai lebih dari satu penulis, maka artikel-artikel yang ditulis oleh mereka yang berpangkat rendah daripada anda akan memerlukan kelulusan dari anda terlebih dahulu sebelum boleh dipaparkan di blog anda.

Perkara-perkara yang tidak ditunjukkan disini memerlukan anda explore nya secara peribadi. Sekian. Sebarang bantuan boleh diperolehi daripada saya di Amanz.NET atau melalui komuniti WordPress Malaysia

Disini ialah tempat dimana anda boleh menambah link-link kengkawan blogger anda.



Manage Links

Disini ialah dimana anda boleh edit atau buang link-link yang anda tidak suka. Setelah selesai pemasangan, terdapat 7 link yang direka disini secara automatik. Anda boleh membuang atau menyimpan link-link berkenaan.

Add Link

Di sini ialah tempat untuk add link kengkawan blogger anda

Anda hanya perlu mengisi ruangan URI dan Link Name.
Sebagai contoh:
URI : http://amanz.net (diisi dengan URL blog kengkawan)
Link Name : Amanz Network (diisi dengan nama yang berkenaan)



Perkara lain iaitu Short description boleh diisi atau dibiarkan kosong begitu sahaja. Jika anda ingin mengisinya, maka isikan dengan keterangan ringkas mengenai blog kawan anda itu.

Selesai mengisi kesemuanya, maka klik pada Add Link>>

Perkara-perkara yang tidak ditunjukkan disini memerlukan anda explore nya secara peribadi. Sekian. Sebarang bantuan boleh diperolehi daripada saya di Amanz.NET atau melalui komuniti WordPress Malaysia

Disini ialah tempat dimana anda boleh menukar design blog anda. Disini kami menggunakan perkataan design kerana ia mudah dikenali. Di dunia blog ia dikenali sebagai theme atau templates.

WordPress Theme ScreenShot and Downloads
http://themes.wordpress.net

Selesai mencari theme yang digemari oleh anda, maka download theme tersebut. Biasanya ia akan dimuat turun dalam format *zip yang mana memerlukan anda mempunyai perisian WinZip atau WinRar untuk membukanya. Jika anda menggunakan Windows XP, maka anda boleh membuka fail berkenaan tanpa software tambahan.

Sebagai contoh, jika anda memuat turun fail bernama FRESHY.ZIP maka selesai unzip, kesemua fail berkenaan perlulah berada dalam folder FRESHY.

Kemudian, anda perlu memuat naik folder berkenaan ke dalam server anda menggunakan FTP sebagaimana yang diajar dalam bahagian pertama tadi. Tetapi, anda perlu mengubah destinasi di mana folder berkenaan akan di upload.

Anda perlu upload folder berkenaan ke destinasi seperti berikut:
/wp-content/themes

Setelah anda selesai upload folder berkenaan, maka theme anda akan ditunjukkan di sini.

Klik pada gambar Theme tersebut untuk menggunakannya.



Theme Editor ialah dimana anda boleh edit fail-fail berkenaan supaya ia memenuhi citarasa anda. Sebagai contoh; Biasanya, blogger akan menambah

ShoutBox pada blog mereka. Sekiranya anda ingin berbuat demikian maka, anda perlu menambah kod-kod berkenaan pada fail sidebar.php
gambar Header (bahagian atas) dan sebaginya. Perlu di ambil perhatian bahawa bukan kesemua theme mempunyai perkara berkenaan.

Perkara-perkara yang tidak ditunjukkan disini memerlukan anda explore nya secara peribadi. Sekian. Sebarang bantuan boleh diperolehi daripada saya di Amanz.NET atau melalui komuniti WordPress Malaysia

Plugins ialah perkara tambahan untuk blog anda. Dengan adanya plugins maka sekuriti blog anda boleh dipertingkatkan dan anda boleh mengubahsuai sesetengah perkara pada blog anda tanpa menyentuh keseluruhan kod WordPress.



Untuk menggunakan plugin-plugin baru, maka anda perlu upload fail berkenaan ke server anda ke destinasi wp-content/plugins dengan cara sama seperti themes.

Anda perlu klik pada Activate sebelum dapat menggunakan sesuatu plugin itu. Jika anda tidak ingin menggunakannya lagi, maka klik Deactivate.

Antara plugins yang digunakan ramai ialah contact-form dan spam-karma. Contact Form ialah kemudahan dimana pembaca blog anda boleh menghantarkan emel kepada anda dengan menggunakan borang yang disediakan pada blog anda tanpa anda perlu mendedahkan emel anda. Spam-karma ialah salah satu cara untuk menghalang komen-komen berunsur seks dan perjudian pada artikel anda.



Disini ialah ruang dimana anda boleh mengubah data-data peribadi seperti emel, nama samaran, nama dan sebagainya. Ia amat mudah difahami, oleh itu saya tidak berapa menyentuh topik ini.

Ini merupakan ruangan penting dimana anda boleh mengubah beberapa perkara berkaitan blog anda.



General

Disini anda boleh mengubah beberapa perkara am. Pada bahagian Weblog Title ialah nama tajuk blog anda, tagline ialah slogan blog anda, wordpress address dan blog address merujuk kepada URL blog anda, manakala e-mail address menunjukkan emel yang digunakan untuk menghantar info-info mengenai blog anda. Perkara-perkara lain tidak disentuh disini.

Writing

Di sini ialah dimana anda boleh set beberapa perkara. Walaubagaimanapun, anda boleh abaikanya jika anda baru bermula ke arah blog ini.

Reading

Disini anda boleh set berapa artikel yang ditunjukkan pada muka depan.

Perkara-perkara yang tidak ditunjukkan disini memerlukan anda explore nya secara peribadi. Sekian. Sebarang bantuan boleh diperolehi daripada saya di Amanz.NET atau melalui komuniti WordPress Malaysia

Import



Kini ramai yang menggunakan akaun blog di blogger atau blogspot dan risau bahawa artikel-artikel mereka yang terdahulu akan hilang. Anda tidak perlu risau mengenainya lagi.

Sekiranya anda mempunyai blog sebelum ini seperti di Blogger.com atau ditempat lain, maka anda boleh import kesemua artikel berkenaan ke dalam blog anda yang baru ini tanpa bersusah payah. Antara platform yang disokong buat masa ini ialah

Blogger / Blogspot
DotClear
LiveJurnal
Movable Type
TextPatern

Jika platform anda tidak disokong tetapi anda mempunyai fail RSS, maka anda boleh menggunakan pilihan RSS.

Mendapatkan Pengunjung

Kejayaan sesuatu blog itu terletak pada kehadiran pengunjung ke blog tersebut. Jika anda menulis blog tetapi tiada pengunjung yang datang membaca, tiada gunanya anda membuat blog. Terdapat pelbagai cara untuk mendapatkan pengunjung untuk mengunjungi blog anda. Disini saya menulis tentang beberapa cara yang agak popular dan digunakan oleh kebanyakkan blogger.

Forum

Untuk menjimatkan masa, anda boleh memuat turun ebook Forum Marketing tulisan Hafiz Latib. Walaubagaimanapun, saya memberikan tips ringkas.

Menggunakan Signature
Kebanyakkan forum membenarkan penggunanya meletakkan signature. Signature ini akan dimasukkan secara automatik ke dalam setiap tulisan anda di forum berkenaan. Jika reputasi anda di forum berkenaan adalah tinggi, maka anda akan mendapat pengunjung ke blog anda hampir setiap hari. Perlu diambil perhatian ialah anda perlulah bergiat aktif dalam komuniti berkenaan.

PERHATIAN : Jangan spam sesebuah forum kerana reputasi anda akan terjejas dan sekaligus mengurangkan pelawat blog anda.

E-mel

Kini hampir setiap orang berhubung melalui emel. Setiap kali anda menghantar emel, sertakan sekali alamat blog dan nama anda pada penghujung emel tersebut. Sebagai contoh:

Aman
http://amanz.net

Media

Anda boleh menggunakan pelbagai media secara offline untuk mendapatkan pengunjung ke blog anda. Sebagai contoh, anda boleh mencetak T-Shirt dan masukkan URL blog anda ke dalamnya. Selain itu, anda juga boleh mengiklan di akhbar-akhbar tempatan. Jangan lupa menggunakan ayat-ayat yang POWER supaya pembaca tertarik dengan iklan anda.

Blog Rakan

Kunjungi blog-blog rakan anda dan tinggalkan komen di blog mereka. Tinggalkan komen yang berkaitan dengan artikel berkenaan. Jangan spam blog rakan-rakan anda kerana anda tidak ingin membuat musuh di internet. Pemilik dan pembaca blog berkenaan akan melawat anda balik. Dengan ini anda akan mendapat pengunjung dengan cara mudah.

Jangan lupa untuk bertukar-tukar link dengan kawan-kawan anda yang lain kerana ia akan membantu anda meningkatkan ranking anda di Google (PR). Semakin tinggi PR anda semakin tinggi ranking anda di Google. PR bergantung kepada berapa ramai yang sedang link ke blog anda.

Artikel

Sediakan artikel-artikel yang berguna dan masukkan gambar-gambar yang sesuai. Jangan tulis sesuatu artikel itu terlalu panjang kerana ia mungkin membosankan pengunjung. Jika artikel berkaitan adalah mengenai diri anda, pastikan ianya menarik untuk dikongsi bersama.

Buat Duit

Setelah anda mendapat pengunjung yang tinggi dan ranking web yang tinggi, anda boleh membuat duit dengan blog anda. Kini terdapat pelbagai cara untuk membuat duit menggunakan blog dan internet dan ianya amat mudah.

Google AdSense

Ini merupakan salah satu servis dari pihak Google dimana anda perlu mendaftar dan memasukkan kod yang diberi ke dalam blog anda. Iklan akan muncul di blog anda. Setiap kali pengunjung blog anda klik iklan tersebut, maka anda akan mendapat sedikit habuan. Anda dibayar melalui cek.

PERHATIAN : Jangan klik sendiri iklan yang ditunjukkan di blog anda, kerana anda akan di 'ban' dari menyertai Google AdSense selamanya. Google lebih bijak berfikir daripada anda.

Text-Link-Ads

Text-Link-Ads tidak bergantung kepada klik, tetapi kepada ranking dan berapa ramai pengunjung blog anda. Semakin ramai pengunjung blog anda dan tinggi traffik blog anda, lebih tinggi anda akan dibayar. Iklan yang ditunjukkan adalah hanya dua ke tiga patah perkataan. Anda dibayar melalui cek atau PayPal.

Review-Me

Ini adalah salah satu perkhidmatan yang paling baru. Anda hanya perlu menulis review mengenai tajuk yang diberikan dan anda akan mendapat bayaran antara $20 hingga $200. Dan yang paling menarik ialah anda dibenarkan menulis dalam apa jua bahasa pilihan anda.

Walaupun terdapat pelbagai lagi cara untuk menjana duit dari blog, cara-cara ini merupakan yang diguna pakai oleh kebanyakkan blogger. Sila baca syarat penyertaan sehingga habis sebelum menyertai sesuatu perkara supaya tiada yang rugi. Luangkan sedikit masa untuk membacanya. Jangan menyertai program-program yang mencurigakan. Sila pastikan program yang disertai oleh anda telah disertai oleh orang lain dan syarikat tersebut membayar pesertanya. **SAY NO TO SKIM CEPAT KAYA!!!**

Terima kasih kerana sudi meluangkan masa membaca e-book yang tidak seberapa ini. Diharap segala informasi yang disampaikan dimanfaatkan sepenuhnya.

Jangan malu hendak bertanya dengan saya atau sesiapa jika anda menghadapi sebarang masalah ketika membangunkan blog menggunakan WordPress. Seperti yang diberitahu pada permulaan ebook ini, anda boleh mendapatkan bantuan dari forum komuniti WordPress Malaysia atau saya jika anda menghadapi sebarang masalah.

Anda juga boleh bertanya dengan sesiapa sahaja yang membangunkan blog menggunakan WordPress.

Oleh kerana e-book ini masih dalam peringkat permulaan iaitu versi 1.0, sebarang pembaharuan akan diberitahu kelak mengikut peredaran masa.

Salam Maju Jaya

Amanz Network
http://amanz.net

p/s : Jika anda menjumpai sebarang kesilapan didalam ebook ini, sila emel atau tinggal mesej di blog saya supaya boleh diperbetulkan.

Amanz Network
http://amanz.net

Komuniti WordPress Malaysia
http://wpmalaysia.com